

Kerajaan Selangor Lulus 6,998 Permohonan Hak Milik Tanah Sejak 2008
Bernama
29 November, 2012

SHAH ALAM, 29 Nov (Bernama) -- Kerajaan Selangor telah meluluskan 6,998 permohonan hak milik tanah kepada rakyat negeri ini sejak 2008, kata Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Beliau berkata kerajaan negeri mempertimbangkan semua permohonan bagi mendapatkan hak milik tanah secara berkelompok.

"Semua permohonan secara berkelompok yang dipertimbangkan...yang menepati syarat, lengkap dan teratur telah diluluskan," katanya ketika menjawab soalan Ng Suee Lim (DAP-Sekinchan) pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada Khamis.

Abdul Khalid berkata berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bertarikh 17 Mei 2009, semua Pentadbir Tanah Daerah perlu mengemukakan permohonan pemberimilikan tanah untuk pertimbangan MMKN secara berkelompok mengikut mukim dan daerah.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan negeri Ronnie Liu berkata kesemua 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dapat menjimatkan RM54 juta setahun sejak mengambil alih kontrak pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dari Alam Flora Sdn Bhd mulai Oktober tahun lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=712598>